

## ABSTRAK

Penyelidikan ini adalah untuk meninjau persepsi guru pelatih maktab perguruan terhadap ciri-ciri pensyarah yang ideal. Penyelidikan ini dijalankan di Maktab Perguruan Seri Kota, Kuala Lumpur. Penyelidikan ini melibatkan 100 orang guru pelatih.

Penyelidikan ini dijalankan dalam bentuk survey dengan menggunakan instrumen soal selidik dan temuramah untuk guru pelatih. Soal selidik untuk guru pelatih ditadbir setelah kajian rintis dijalankan. Temuramah dijalankan ke atas beberapa orang guru pelatih yang dipilih setelah soal selidik ditadbirkan untuk mendapat maklumat lanjut berhubung dengan persepsi mereka tentang ciri-ciri pensyarah yang ideal.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa tentang penyampaian kuliah, guru-guru pelatih mengkehendaki seorang pensyarah yang dapat menyampaikan kuliah dengan berkesan. Penyampaian kuliah yang berkesan dapat menyediakan seorang guru pelatih dalam pengajaran mereka di bilik darjah kelak.

Guru-guru pelatih juga inginkan seorang pensyarah yang dapat menguruskan bilik kuliah dengan teratur dan sistematik. Mereka menganggap pengurusan bilik kuliah yang baik dapat mewujudkan situasi yang kondusif untuk pemelajaran.

Sambutan guru pelatih terhadap aktiviti dan tugas kerja kursus adalah

memberangsangkan. Guru pelatih mementingkan kerja kursus yang disiapkan secara kumpulan dan berkaitan dengan peperiksaan serta dapat membantu mereka di alam kerjaya kelak. Arahan pensyarah tentang tugasan kerja kursus mestilah terang dan tepat agar guru pelatih boleh menyiapkan tugasan dengan baik.

Kajian ini juga mendapati seorang pensyarah yang ideal mestilah mempunyai nilai-nilai murni dan boleh menyesuaikan diri mengikut keadaan serta mempunyai sikap berorientasikan insan. Guru pelatih juga berasa lebih selesa semasa pemelajaran jika pensyarah dapat menjalinkan perhubungan yang mesra dengan guru pelatih. Kajian ini mengesahkan bahawa faktor jantina pensyarah tidak menentukan kecekapan seseorang pensyarah dan menyokong dapatan-dapatan kajian dahulu.

## **ABSTRACT**

This study attempts to look at the perception of teacher training college students of the characteristics of an ideal lecturer. It was carried out in "Maktab Perguruan Seri Kota, Kuala Lumpur". It involves 100 teacher trainees.

Questionnaires and interviews were used in this study. The questionnaires were administered to the sample of teacher trainees who were also interviewed.

Results of this study indicate that the teacher trainees prefer a lecturer who is able to lecture effectively. Effective lecturing will enable him to help the trainees to teach competently in schools.

Teacher trainees would like a lecturer who manages the lecture hall well and ensures that the physical environment of the lecture hall is conducive to learning.

They prefer course work carried out in small groups, related to examination and those beneficial to their career later on. They feel that the lecturer's instructions on course work must be clear and precise so that trainees will be able to complete their assignments well.

This study finds that an ideal lecturer has to have high moral values, is able to adapt to circumstances and is people-orientated. Trainees too, feel comfortable learning

if the lecturer is in good rapport with them. This study indicates that the gender of the lecturer does not determine the effectiveness of a lecturer and this confirms previous findings.